

Rimas lembu berkeliaran

Penduduk mahu penternak dikena tindakan

SABAK BERNAM

- Disebabkan lembu yang didakwa dibiarkan berkeliaran dan tidak dikawal dengan baik oleh penternak, penduduk di Kampung Baru terdedah kepada bahaya terutamanya pada waktu malam.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kampung Baharu, Awaludin Pabidin berkata, keadaan itu sedikit menyebabkan penduduk terganggu kerana haiwan ternakan tersebut berkeliaran di atas jalan raya.

Menurutnya, dalam soal itu, penternak terbabit dilihat bersikap lepas tangan dan membiarkan sahaja lembu-lembu milik mereka menimbulkan masalah kepada penduduk.

"Malah ada di antara penternak yang menternak lembu secara berlebihan sehingga tidak dapat mengawal haiwan tersebut," katanya ketika ditemui *Sinar Harian*, semalam.

Awaludin berkata, masalah tersebut tidak berkesudahan kerana berlarutan sejak puluhan tahun lalu.

Selain mengancamnya, katanya, lembu-lembu tersebut turut dibiarkan me-



Banyak tanaman musnah dimakan oleh lembu-lembu ini malah ketika ditanya, ada di antara penternak cuba menafikan lembu berkenaan milik mereka."

Awaludin

ragut di kebun-kebun milik penduduk serta di atas tanah rizab milik Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

"Banyak tanaman musnah dimakan oleh lembu-lembu ini malah ketika ditanya, ada di antara penternak cuba menafikan lembu berkenaan milik mereka," katanya.

Awaludin berkata, pihak-

nya beberapa kali mengusulkan masalah itu ketika mesyuarat jawatankuasa bagi membolehkan tindakan diambil untuk mengatasinya.

Katanya, selain itu, beliau pernah mengadakan sesi dialog di antara pihak berkuasa tempatan (PBT) berhubung isu tersebut.

"Perbincangan juga pernah diadakan bersama Polis, JPS serta Pejabat Daerah namun penternak di sini masih tegar dan tidak mengendahkan kesan sikap tidak bertanggungjawab mereka itu," jelasnya.

Beliau berkata, pada 2002, pernah berlaku kemalangan maut akibat lembu berkeliaran atas jalan raya.

"Kita tidak mahu lebih banyak kemalangan berlaku disebabkan hal ini dan ini lebih membahayakan ketika waktu malam memandangkan keadaan gelap," katanya.

Awaludin berkata, polis dan pihak bertanggungjawab perlu mengambil tindakan tegas terhadap penternak yang berdegil dan masih lepas tangan dalam soal itu.

Katanya, sekiranya tindakan tegas dikenakan, penternak akan lebih peka dan bertanggungjawab.



Lembu peliharaan dibiarkan berkeliaran berhampiran jalan raya tanpa diawasi penternaknya.